

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO  
(KLANG)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini bilangan orang yang ditahan dalam pusat tahanan imigresen di seluruh negara mengikut pecahan kewarganegaraan, umur, tempoh penahanan dan jantina. Apakah cadangan untuk mengawal penularan wabak COVID-19 di pusat tahanan dan statistik pelarian wanita yang mendapat rawatan di OSCC tetapi tidak berjaya akibat tidak memiliki dokumen sah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 13 November 2020, jumlah tahanan semasa di Depot Tahanan Imigresen yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah seramai 13,103 orang yang terdiri daripada pelbagai warganegara. Daripada jumlah tersebut, warganegara Myanmar mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 4,534 orang, diikuti oleh warganegara Indonesia iaitu seramai 4,130 orang, warganegara Bangladesh iaitu seramai 1,310 orang dan lain-lain warganegara iaitu seramai 3,129 orang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM sentiasa memastikan tahap kesihatan yang baik di kalangan tahanan di Depot Tahanan Imigresen.

## SOALAN NO : 39

Dengan peningkatan jumlah tahanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak JIM mengambil langkah-langkah mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan tahanan dengan mewajibkan saringan COVID-19 ke atas semua tahanan baharu serta disahkan sihat daripada wabak tersebut.

Selain itu, saringan gejala seperti demam, batuk dan selsema akan dilaksanakan secara berkala terhadap semua tahanan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas di Depot Tahanan Imigresen. Tahanan yang mempunyai gejala akan diasingkan dan segera dibawa ke hospital atau klinik terdekat bagi mendapatkan rawatan. Pihak JIM turut mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Penjara Malaysia untuk menggunakan fasiliti penjara dan lain-lain fasiliti bagi tujuan penempatan tahanan imigresen untuk mengelakkan kepadatan yang terlalu tinggi di Depot Tahanan Imigresen sedia ada.

Dari aspek kesihatan tahanan, pihak JIM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Klinik kesihatan yang berhampiran telah dikenalpasti dan dipilih oleh KKM bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Depot Tahanan Imigresen serta berperanan sebagai pusat rujukan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik dan sebagai pembekal keperluan perubatan ke depot-depot. Pemantauan kesihatan secara berkala turut dilakukan oleh KKM ke Depot Tahanan Imigresen dari semasa ke semasa.